

# 'Banteras budaya rock, dadah: PM

11 JUL 1992

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — Sikap mengagungkan budaya dan nilai hidup Barat melalui budaya rock dan penagihan dadah perlu dibanteras supaya ia tidak menggugat keutuhan warisan budaya negara, kafa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sebagai negara membangun, Malaysia banyak mempelajari dan menyebarkan nilai Barat yang positif ke dalam kehidupan.

Baga'imanapun, katanya, ramai belia suka menerima apa saja dari Barat tanpa mengira nilai itu baik atau boleh memberi kesan buruk.

"Perkara seperti budaya rock, berambut panjang dan memakai subang telinga bagi lelaki, penagihan dadah dan kegiatan tidak bermoral meningkat dan menjadi amalan sesetengah belia kita.

"Belia seperti ini tidak akan menolong menjaya-

kan bakal memimpin negara. Nilai hidup belia yang kurang sihat ini perlu dibanteras supaya ia tidak menggugat keutuhan warisan budaya kita," katanya melancarkan Pameran Belia Dalam Pembinaan Negara di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Wawasan 2020 bertujuan melahirkan satu masyarakat bermoral, beretika dan bebas daripada sebarang pengaruh seperti kehidupan terlalu bebas sehingga apa saja sanggup dibuat tanpa mengambil kira kesan baik atau buruk.

Katanya, belia juga harus mengikis sikap negatif seperti takut, tidak toleran, kekurangan minat terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan faedah, tidak suka bekerjasama dan mementingkan diri sendiri.

Sehubungan itu, katanya, interaksi antara belia berbilang kaum adalah sangat penting dalam usaha melahirkan satu bang-

sa Malaysia yang bersatu padu.

"Ke arah pencapaian matlamat ini adalah lebih baik sekiranya kita dapat mengurangkan persatuan belia yang berasaskan atau beridentitikan kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sesiapa harus bimbang mengenai budaya kaum, termasuk bahasa kerana ia tidak akan hilang melalui usaha merapatkan hubungan antara kaum.

"Jika ketika muda belia diasingkan kerana kaum, maka sudah tentu perpaduan kaum bagi orang dewasa tidak akan tercapai. Salah satu matlamat Wawasan 2020 ialah untuk melahirkan satu negara bangsa Malaysia yang bersatu padu," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, fungsi dan tanggungjawab itu harus dilaksanakan oleh pemimpin belia, sama ada daripada pemimpin persatuan politik, sosial, budaya atau ekonomi.